JURNAL PENGAJIAN SUKAN

Contributed by Administrator
Tuesday, 21 October 2008
Last Updated Wednesday, 29 October 2008

Jurnal Pengajian Sukan akan menerbitkan manuskrip-manuskrip ilmiah yang akan membincangkan isu dan penyelidikan dalam pengajian sukan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Indonesia. Jurnal ini akan memberi fokus kepada isu-isu dan penyelidikan dalam pengajian sukan termasuklah pendidikan jasmani, ko-kurikulum, sukan dan kejurulatihan, senaman dan fisiologikal sukan, sosiologi sukan, psikologi sukan, pengurusan sukan, kecederaan dan rawatan sukan, pengajaran dan pembelajaran sukan, perubatan sukan, kejuruteraan sukan, kewartawanan sukan, produk halal dalam sukan, gerontologi dan kegiatan fizikal, industri sukan, pemakanan dan nutrisi sukan, pergerakan manusia, atlet elit, aktiviti fizikal, anatomi, biomekanik, kinesiologi, ICT-dalam sukan, kesihatan, masalah sedentari, masalah obesiti, kecergasan, analisa perlawanan sukan, statistik sukan, dan rekreasi. Manuskrip dalam bentuk kritikan literatur, penyelidikan ekperimental, penyelidikan diskriptif atau mana-mana format yang sesuai dalam penulisan ilmiah adalah dialu-alukan. Semua manuskrip akan dinilai oleh sekurang-kurangnya seorang penilai bebas yang pakar dalam bidang-bidang berkenaan.

Kekerapan Penerbitan

Setakat ini, kekerapan penerbitan ini adalah sekali setahun dan akan disemak semula sekiranya mendapat permintaan yang memberangsangkan. Penerbitan pertama dijangka pada awal tahun 2009 setelah semua artikel dinilai dan diperbaiki oleh penulis.

Bayaran Penerbitan

Setakat ini, tiada bayaran penerbitan akan dikenakan kepada penulis. Walaubagaimanapun sebagai mengantikan kos pentadbiran dan urusan penerbitan setiap penulis yang menghantar manuskrip kepada jurnal ini akan diminta untuk menilai manuskrip lain dalam tempoh masa tiga minggu. Kegagalan menilai dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan manuskrip yang dihantar oleh seseorang penulis itu tidak akan diterbitkan. Pihak ketua editor juga tidak akan membuat apa-apa bayaran kepada penulis dan penilai, semua hasil yang diterbitkan adalah untuk tujuan penerbitan manuskrip ilmiah dalam pengajian sukan.

Format Penulisan

Format penulisan yang digunakan dalam jurnal ini akan mengikut format America Psychological Association Manual Writting 5th edition. Penulis diminta untuk merujuk kepada format penulisan tersebut.

Tanggungjawab Penulisan

Ketua editor tidak bertanggung jawab kepada sebarang penulisan yang diciplak atau dicetak semula oleh penulis. Penulis adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas penulisan mereka.

Urusan penghantaran manuskrip

Penghantaran manuskrip di BUKA SEKARANG (20 Oktober 2008) dan manuskrip yang diterima akan dihantar untuk penilaian. Penulis akan mendapat maklumbalas tentang penerimaan atau penolakan jurnal daripada ketua editor selepas penilain diterima. Sekiranya diterima dengan pembetulan, segala perubahan-perubahan hendaklah dilengkapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh ketua editor. Semua urusan penghantaran manuskrip hendaklah melalui emel sahaja iaitu kepada ketua editor beralamat emel: editorjps@gmail.com

Alamat Surat Menyurat

Sebarang pertanyaan atau surat menyurat kecuali urusan penghantaran manuskrip bolehlah dihantar terus kepada

alamat berikut:

1. Pejabat

Ketua, Jabatan Pengajian Sukan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

43400, UPM Serdang

Selangor, MALAYSIA

03-89468151

atau

2. Pejabat

Ketua Laboratori Pembangunan Sukan

Akademi Sukan

Universiti Putra Malaysia

43400, UPM Serdang

Selangor, MALAYSIA

03-89464275

Perubahan maklumat

Perubahan maklumat akan diberitahu dari masa ke semasa melalui laman web ini. Semua perubahan adalah tertakluk kepada persetujuan bersama pihak editorial.